

PEMERKASAAN TUNTUTAN NAFKAH WANITA: KAJIAN DI MAHKAMAH SYARIAH KOTA BHARU

EMPOWERMENT OF WOMEN'S ALIMONY CLAIMS: A STUDY IN THE SYARIAH COURT OF KOTA BHARU

Nur Ain Nazifa Mohd Zawawi*

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu
Kampus Dungun Sura Hujung,
23000 Dungun, Terengganu, Malaysia.

Farah Safura Muhammad

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu
Kampus Dungun Sura Hujung,
23000 Dungun, Terengganu, Malaysia.

*Corresponding Author's Email: nurainnazifazawawi@gmail.com

Article History:

Received : 16 February 2024

Accepted : 3 April 2024

Published : 25 Jun 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Zawawi, N.A.N.M. & Muhammad, F.S. (2024). Pemerkasaan Tuntutan Nafkah Wanita: Kajian Di Mahkamah Syariah Kota Bharu. *Jurnal 'Ulwan*, 9(1), 30-41

ABSTRAK

Permohonan perceraian dan nafkah menunjukkan peningkatan sejak Covid-19 melanda di seluruh dunia. Kajian menunjukkan sebanyak 6,341 kes tuntutan nafkah yang diterima sepanjang lima tahun dan semasa pandemik Covid-19, kes tuntutan nafkah terus meningkat sebanyak lima tuntutan dalam masa lima hari selepas Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) membuka aduan menerusi talian *facebook* berbanding sebelumnya hanya lima tuntutan dalam masa sebulan. Namun begitu, masih terdapat segelintir wanita yang tidak menuntut dan meneruskan nafkah mereka walhal perceraian yang dicatatkan sentiasa meningkat saban tahun dan sepanjang lima tahun sebanyak 45,420 kes yang direkodkan. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah ingin meneliti faktor kengganan wanita dalam menuntut nafkah di Mahkamah Syariah Kota Bharu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan metod analisis pengumpulan data melalui dokumen dan juga temubual yang menggunakan kaedah tematik. Oleh itu bagi mencapai objektif, kajian telah menemubual daripada dua orang pegawai mahkamah dan lima

responden wanita Kelantan. Hasil kajian ini mendapati, terdapat tiga faktor keengganan wanita dalam menuntut nafkah iaitu faktor kekurangan kesedaran, kekurangan kewangan dan faktor proses tuntutan nafkah. Oleh itu, kajian ini ingin mencadangkan pemerkasaan tuntutan nafkah wanita kerana keperluan wanita dalam menuntut nafkah adalah sangat penting. Kejahilan dan sifat tidak peduli akan menyumbang kepada penindasan, penganiayaan dan ketidakadilan terhadap wanita. Kesimpulannya, keluarga sejahtera merupakan asas pembinaan Keluarga Madani selaras dengan kesejahteraan yang merupakan nilai teras Keluarga Madani.

Kata kunci: wanita, nafkah, faktor, keengganan, pemerkasaan

ABSTRACT

Since covid-19 was spreading in a whole world in 2020, applying for divorce and alimony petition shown increased. According to the record from Department Of Syariah Judiciary Malaysia (JKSM) 6,341 alimony cases was reported along five years. Before pandemic covid-19, only five cases was reported in one month but during pandemic, the alimony cases was increasing to five cases in five day after Family Support Division (BSK) open the online application from their officially facebook. However, even the application increasing, there are several women who is suffer from this situation do not take an action to claim their alimony though divorce application always increasing along years by years which is 45,420 cases was reported. Hence, this research to study the factor reluctance of woman to claim their alimony in Syariah Judiciary Kota Bharu, Kelantan. This qualitative research by applying analytical methods of data collection through documents and interviews using thematic methods involving two respondent from Syariah Judiciary Kota Bharu and five respondent women from Kelantan. The research's findings suggest that there is three factor reluctance of women to claim their alimony which is factors of lack of awareness, lack of finance and factor of alimony claim process. Therefore, the research's suggest there is important to empowering woman in matrimonial property. Ignorance and indifference will contribute to the oppression, mistreatment and injustice of women. In conclusion, a prosperous family is the basis for the construction of a Keluarga Madani in line with welfare which is the core value of a Keluarga Madani.

Keyword: women, alimony, factors, reluctance, empowering

1.0 INTRODUCTION

Kebahagiaan rumah tangga direalisasikan dengan peranan, fungsi dan tanggungjawab suami isteri yang seimbang. Secara asasnya, kebahagiaan dan kesejahteraan rumah tangga atau keluarga dalam Islam terletak kepada ketaqwaan Allah SWT (Mohd Ali, 1993). Selain itu, keluarga yang harmoni dan sejahtera bukan diukur dari segi kebendaan sebagaimana yang dinayatakan oleh negara barat. Namun ia ditentukan dengan keadaan keluarga yang ideal dan mampan dalam pengurusan rumah tangga berlandaskan Al-quran dan Sunnah (Basir, 2019). Oleh

yang demikian, salah satu tanggungjawab suami adalah memastikan kecukupan dalam rumahtangga dengan menyediakan nafkah dan berbuat baik kepada anggota keluarga. Manakala peranan seorang isteri pula adalah dengan mentaati suami, menjaga dan menguruskan keluarga dengan baik (Naemah, 2021). Namun begitu, apabila peranan dan tanggungjawab tidak dapat dipenuhi dan disempurnakan dengan baik, pelbagai isu dan masalah keluarga yang timbul.

Tambahan lagi, fenomena wabak Covid-19 yang menggegar dunia pada tahun 2020 telah memberi impak yang mendalam kepada seluruh rakyat seantero dunia. Malaysia juga tidak terkecuali dalam mendepani wabak Covid-19 dengan mengadakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Meskipun perintah kawalan pergerakan yang diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin adalah untuk mengelakkan wabak ini terus menular, namun terdapat beberapa isu lain yang timbul seperti isu rumahtangga dan keluarga. Walaupun telah tiga tahun berlalu dari tempoh awal PKP diperkenalkan, namun kesan pandemik masih dibincangkan dalam perbahasan masa kini kerana memberikan impak yang berpanjangan kepada masyarakat. Sebagaimana isu pengabaian nafkah sering kali dibangkitkan dan diwar-warkan di media sosial dan media elektronik masa kini.

Semasa perintah kawalan pergerakan dijalankan, mahkamah telah menerima aduan tuntutan nafkah sebanyak lima tuntutan dalam masa lima hari dilaporkan selepas Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) membuka aduan menerusi talian *facebook* berbanding sebelum ini hanya lima tuntutan dalam masa sebulan (Berita Harian, 2020). Selain itu, pengabaian nafkah juga tidak terkecuali dalam menjadi punca tertinggi perceraian yang disebabkan oleh penularan pandemik Covid-19 yang mana ramai dikalangan rakyat Malaysia telah dibuang kerja atau dipotong gaji memberi impak yang tinggi terhadap kewangan keluarga (Anis & Tengku Fatimah, 2022). Namun begitu, para wanita berhak menuntut nafkah di Mahkamah Syariah bagi membela nasib diri dan anak-anak.

Statistik perceraian di Malaysia dilihat sangat membimbangkan pada masa kini. Mengikut Peguam Syarie Nurul Syafawani Rahim dari Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, statistik perceraian yang direkodkan pada tahun 2021 adalah sebanyak 45,420 dalam kalangan umat Islam (Nurul Iftitah, 2023). Hal ini berlaku disebabkan beberapa faktor utama yang digariskan iaitu masalah kewangan dan tekanan emosi yang dialami oleh pasangan terutama suami. Manakala, berdasarkan statistik tuntutan nafkah di seluruh Malaysia pula menunjukkan tidak setara dengan statistik kes perceraian yang mana sebanyak 6,341 sahaja yang direkodkan (JKSM, 2021). Sebagaimana di Mahkamah Syariah Kota Bharu hanya 110 tuntutan nafkah wanita dituntut sepanjang lima tahun (JKSNK, 2023). Hal ini menunjukkan, masih ramai segelintir wanita yang enggan menuntut nafkah atau meneruskan permohonan nafkah mereka kerana beberapa faktor. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk memperkasakan tuntutan nafkah wanita di Mahkamah Syariah dan meneliti faktor keengganan wanita dalam menuntut nafkah di Mahkamah Syariah khususnya Mahkamah Syariah Kota Bharu.

Kajian lepas tidak banyak membincangkan faktor keengganan wanita menuntut nafkah namun terdapat beberapa kajian yang menunjukkan wanita telah memahami dan mengetahui hak mereka untuk menuntut nafkah namun mereka tidak mempunyai kesedaran dalam menuntut nafkah yang tertunggak atau nafkah selepas

perceraian kerana tidak berani menanggung risiko dan kesulitan yang bakal berlaku jika nafkah dituntut (Rodiah & Zaini, 2022). Kajian terhadap wanita di Selangor mendapati majoriti daripada mereka mempunyai pengetahuan, kefahaman dan kesedaran tentang nafkah semasa perkahwinan dan selepas perkahwinan (Farah Safura & Nura’frina, 2022). Selain itu, terdapat juga punca kekurangan wanita muslim untuk membuat tuntutan nafkah yang disebabkan kekurangan kefahaman tentang hak wanita selepas perceraian (Balkish Awang, 2021). Khairul Anuar (2014) tahap kesedaran wanita dalam menuntut nafkah adalah berbeza mengikut peringkat umur dan status perkahwinan. Kajian ini mendapati wanita berkahwin, bercerai dan mempunyai kerjaya yang baik mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berbanding dengan wanita bujang dan tidak mempunyai kerjaya tahap kesedaran mereka menuntut nafkah adalah rendah.

2.0 METODOLOGI


Metod kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan pendekatan kualitatif bagi mengenalpasti dan mengkaji dengan lebih mendalam tentang sesuatu isu yang berhubungkait dengan sesuatu kajian dengan memberi perhatian kepada data ilmiah (Kamarul Azmi Jasni, 2012). Kajian ini memperolehi pengumpulan data melalui kaedah analisis kandungan dokumen dan temubual. Pengumpulan data melalui dokumen dalam kajian ini terbahagi kepada dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer melalui kajian Al-quran dan hadith, serta penulisan dan karya ulama di dalam kitab mereka yang muktabar dari sisi mazhab. Sumber sekunder pula melalui kajian-kajian para ilmuan dan sarjana di dalam penyelidikan mereka sama ada melalui penulisan tesis, buku, surat khabar, jurnal, majalah, kertas seminar, media *online* seperti laman sesawang rasmi organisasi yang diiktiraf sama ada dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab dan pelbagai jenis penulisan yang dipersembahkan.

Kaedah temubual yang digunakan oleh pengkaji adalah bersesuaian yang mana pengkaji akan menyediakan beberapa soalan sebelum memulakan sesi temubual. Temubual bersama responden akan dicatat secara transkrip dan akan diperiksa berulangkali bagi mendapatkan ketepatan data. Kemudian data temubual akan dianalisis menggunakan kaedah tematik. Berdasarkan kajian Braun dan Clarke (2006), terdapat enam kaedah tematik iaitu pertama memahami data, kedua mengenalpasti kod awal, ketiga mencari tema, keempat mengkaji tema, kelima menamakan tema dan keenam menghasilkan laporan.

3.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Terdapat dapatan yang akan dibincangkan pada bahagian ini iaitu faktor keengganan wanita dalam menuntut nafkah yang merangkumi tiga faktor iaitu kekurangan kesedaran, kekurangan kewangan dan faktor proses tuntutan. Dapatan ini bertujuan bagi memperkasakan tuntutan nafkah wanita dan memberi pendedahan kepada wanita dalam kehidupan mereka demi diri dan anak-anak.

3.1 FAKTOR KEKURANGAN KESEDARAN



Rajah 1
Faktor Kekurangan Kesedaran

Jadual 1: Pemerkasaan tuntutan nafkah dari segi faktor kekurangan kesedaran

| Tema | Analisis | Teks kod |
|--|--|---|
| Kurang keyakinan dalam menuntut nafkah | Wanita perlukan bantuan dari aspek mental daripada masyarakat sekeliling terutama keluarga untuk mereka yakin menuntut nafkah. Mahkamah juga perlu memainkan peranan bagi membina semangat dan harapan mereka dalam menuntut nafkah. | Telah bercerai lebih 3 tahun tapi tidak berani menuntut nafkah kerana kes yang ingin dituntut sangat rumit (Responden Wanita 1) |
| | | Tidak tahu kepada siapa ingin memohon bantuan dan mengambil kekuatan untuk menuntut nafkah. Ahli keluarga termasuk ibu bapa dan adik beradik lebih mempercayai kata-kata bekas suami berbanding diri sendiri (Responden Wanita 3) |
| | | Lebih menyayangi suami dan tak sanggup tuntut nafkah di mahkamah bagi mengelakkan perkara rumit seperti perceraian (Pegawai Mahkamah 1) |

| | | |
|---|--|---|
| Menarik balik kes | Masa yang agak lama mematahkan semangat dan harapan wanita untuk teruskan kes tuntutan nafkah tambahan dengan pujukan dan ugutan oleh suami untuk mengelakkan diri dari mahkamah | Kes mengambil masa yang agak lama sehingga ada beberapa wanita yang berputus asa dalam tuntutan nafkah (Pegawai Mahkamah 1) |
| | | Plaintif dan defendant berbaik semula atau dapat kata putus (Pegawai Mahkamah 2) |
| | | Ada juga segelintir suami yang sering mengugut bekas isteri untuk menarik balik tuntutan (Pegawai Mahkamah 1) |
| Kurang pengetahuan proses tuntutan nafkah | Pengetahuan tentang proses tuntutan nafkah sangat cetek dan hanya berharap kepada peguam yang dilantik | Hanya mengetahui nafkah <i>iddah</i> yang boleh dituntut selepas perceraian. Mutaah, harta sepencarian dan serta proses tuntutan tak tahu. Jika tidak dengan bantuan peguam, tidak tahu bagaimana untuk mengurus tuntutan nafkah (Responden Wanita 2) |
| | | Mahkamah akan bimbing dan menjelaskan tentang tuntutan nafkah kepada wanita yang ingin membuat tuntutan (Pegawai Mahkamah 1) |
| | | Usaha mahkamah sudah ada seperti dengan mengiklan khidmat nasihat mereka dan pihak-pihak juga perlu memberi kerjasama dengan mengikuti prosedur mahkamah untuk membantu menangani isu mahkamah yang timbul (Pegawai Mahkamah 2) |

3.2 FAKTOR KEKURANGAN KEWANGAN



Rajah 2
Faktor Kewangan

Jadual 2: Pemerkasaan tuntutan nafkah dari segi faktor kekurangan kewangan

| Tema | Analisis | Teks kod |
|--|--|--|
| Cetek pengetahuan tentang peruntukan yang disediakan | Jabatan Bantuan Guaman (JBG) bertanggungjawab dalam membantu wanita yang tidak berkemampuan dalam menuntut nafkah. Namun begitu terdapat garis panduan dan proses yang perlu diuruskan sendiri oleh wanita | Tidak mampu melantik peguam kerana bayaran yang agak mahal tapi pekerja mahkamah ada bagitahu mengenai lantik peguam di JBG (Responden Wanita 1) Wanita perlu tahu dan bijak bertindak. Jika tidak mampu perlu upah peguam samada swasta atau kerajaan JBG, bantuan zakat dan bantuan lain (Pegawai Mahkamah 2) |
| Kebergantungan ekonomi terhadap suami atau bekas suami | Terdapat segelintir wanita yang mampu untuk menjaga dan menyara diri dan anak mereka walaupun suami tidak memberi nafkah. Namun begitu terdapat juga wanita yang tidak bekerja sepanjang perkahwinan dan hanya bergantung kepada suami | Tidak mahu menuntut nafkah diri dan anak, hanya menuntut hak penjagaan sahaja kerana masih mampu menyara kehidupan dan anak. Tidak mahu menghabiskan wang dan masa untuk menuntut nafkah yang belum tentu |


dapat dan selesai dengan cepat (Responden Wanita 4)

Bekerja dan tidak terkesan dengan perceraian dan mampu untuk menyara kehidupan anak2 dan diri (Responden Wanita 5)

Ada wanita yang bekerja, mampu tapi tetap mahu tuntut nafkah (Pegawai Mahkamah 1)

Tak bekerja sepanjang perkahwinan dan tiada pendapatan. Namun selepas perceraian sangat terkesan (Responden Wanita 1)

3.3 FAKTOR PROSES TUNTUTAN



Rajah 3
Faktor Proses Tuntutan

Jadual 3: Pemerkasaan Tuntutan Nafkah Dari Segi Faktor Proses Tuntutan

| Tema | Analisis | Teks kod |
|---|--|---|
| Terlalu banyak prosedur yang perlu diikut dan penyelesaian kes mengambil masa yang lama | <p>Prosedur yang digariskan oleh mahkamah adalah untuk memudahkan proses. Setiap prosedur adalah tertakluk kepada hakim dan mahkamah.</p> <p>Namun begitu mahkamah perlu memperkasakan prosedur yang sedia ada bagi mengelakkan isu yang dibangkitkan oleh wanita.</p> | <p>Kes sudah berjalan hampir setahun lebih namun banyak perlu ikut prosedur tambahan suami tak dapat dikesan tak dapat nak kerjasama atau minta tolong dengan polis untuk jejak bekas suami (Responden Wanita 2)</p> <p>Kes di Mahkamah Kota Bharu setiap hari banyak, terdapat 40-50 kes yg perlu dibicarakan di mahkamah rendah. Mahkamah tinggi walaupun tak banyak seperti mahkamah rendah tetapi proses bicara adalah lambat (Pegawai Mahkamah 1).</p> <p>Hanya mengikut arahan daripada peguam sahaja dan memang banyak prosedur perlu ikut dan ambil masa yang lama. Kadang datang awal pagi tengah hari baru bicara (Responden Wanita 4).</p> <p>Timbunan kerja dan kes yang banyak serta kekurangan hakim juga menjadi salah satu sebab (Pegawai Mahkamah 2)</p> |
| Suami tidak memberi kerjasama | <p>Kerjasama daripada kedua-dua pihak adalah sangat penting untuk memberi kemudahan terhadap proses tuntutan.</p> <p>Wanita perlu kental dan sabar dalam menuntut hak dan pembelaan.</p> | <p>Suami menghilangkan diri dan tak dapat dijejaki (Responden Wanita 2)</p> <p>Jika dua2 pihak memberi kerjasama yang baik kes nafkah mengambil masa paling kurang 6 bulan dah selesai (Pegawai Mahkamah 1)</p> |

| | |
|---------------------------------------|--|
| | Mahkamah tidak dapat mengejar defendant, maka plaintiff atau bekas isteri yang perlu mencari defendant mengikut tempoh yang diberikan oleh mahkamah (Pegawai Mahkamah 2) |
| Penerimaan terhadap perintah mahkamah | Perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah telah diteliti. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa mahkamah perlu lebih teliti dan bijak dalam mengeluarkan perintah dengan melihat dari semua aspek |
| | Perintah mahkamah diputuskan dengan bukti dan keterangan yang dikemukakan oleh pihak-pihak (Pegawai Mahkamah 1) Hakim hanya memutuskan RM300 sebulan kepada 3 orang anak dan dengan ekonomi sekarang memang tak cukup. 500-700 perlu tumpung dengan perbelanjaan dan gaji sendiri (Responden Wanita 1). Hakim perlu bijak dalam memutuskan keputusan. Bukan hanya ikut prosedur dan keterangan sahaja (Responden Wanita 1) |

4.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, nafkah merupakan elemen yang sangat penting bagi isteri dan anak-anak dalam kehidupan keluarga. Wanita hendaklah menyedari akan hak mereka dalam menuntut nafkah kerana pendekatan ilmu tentang hak dalam rumah tangga akan meningkatkan nilai kesedaran dan keberanian wanita dalam menuntut hak mereka. Jabatan Kehakiman Syariah dan jabatan-jabatan yang lain telah memberi banyak inisiatif dan bantuan kepada para wanita untuk membela nasib mereka mendapatkan hak tuntutan nafkah. Oleh itu, wanita hendaklah berani mengambil tindakan dan menghadapi cabaran dalam menuntut nafkah bagi membela nasib mereka dan anak-anak. Mahkamah juga perlu mempertingkatkan pemerkasaan tuntutan nafkah wanita kerana keperluan wanita dalam menuntut nafkah adalah sangat penting kerana kejahilan dan sifat tidak peduli akan menyumbang kepada penindasan, penganiayaan dan ketidakadilan terhadap wanita. Keluarga sejahtera merupakan asas pembinaan Keluarga Madani selaras dengan kesejahteraan yang merupakan nilai teras Keluarga Madani.

Sumbangan Penulis

Zawawi, N.A.N.M., Penulisan, Metodologi, Perisian dan Penyusunan Data terhadap pemerkasaan tuntutan nafkah Mahkamah Syariah Kota Bharu. Muhammud, F.S., Pengesahan, Penyeliaan dan Semakan terhadap data yang disusun mengenai pemerkasaan tuntutan nafkah Mahkamah Syariah Kota Bharu.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Ali, H. M. (1993). *Keluarga Bahagia*. Kuala Lumpur : Sabha – DTP Services Sdn. Bhd. Jabatan Bantuan Guaman. 2017. *Fi Dan Sumbangan Di Jabatan Bantuan Guaman*. <https://www.jbg.gov.my/index.php/ms-my/soalan-lazim/umuma-3>
- Basir, S. (2019). Membangun Keluarga Sakinah. Al-Irsyad Al-Nafs, *Jurnal Bimbingan Penyuluhan Islam*. 6(2). 99–108
- Berita Harian. (2020) PKP: Aduan tidak memberi nafkah meningkat <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/678103/pkp-aduan-tidak-beri-nafkah- meningkat>
- Berita Harian (2022). Memohon Mahkamah Syariah Keluarkan Perintah Cerai dan Nafkah <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/937760/kerajaan-minta-mahkamah- syariah-keluarkan-perintah-cerai-nafkah>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Qualitative research in psychology using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Hamzah, N. (2021). 23 April. *Covid-19: Hak dan Tanggungjawab Suami Isteri*. Bernama. <https://www.bernama.com/v2/bm/tintaminda/news.php?id=1954601>
- Ismail, M. K. A. (2014). *Kefahaman Wanita Terhadap Peruntukan Hak Selepas Bercerai Menurut EUUKI Negeri Kelantan No. 6/2002: Kajian di Kota Bharu*. (Tesis Master). Universiti Malaya.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2021). Statistik Pendaftaran Kes Nafkah Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan. (2023). Statistik Pendaftaran Kes Nafkah Mahkamah Syariah Kota Bharu Kelantan
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan. (2022). Hak isteri selepas bercerai. <http://Kelantan.jksm.gov.my/jksn/index.php/pustaka-media/hak-selepas-penceraihan>
- Jasni, K. A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif*. Conference: Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012. Universiti Teknologi Malaysia.

- Mat Yusoff, A.S., Tengku Muda, T.F.M. (2022). *Impak Covid-19 Terhadap Karakter Pasangan Dan Pendekatan Menangani Cabaran*. International Journal of Islamic Products and Malay Civilization, 1(1), 147– 163.
- Mohd Yusoff Mohamed. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga Kelantan Temubual pada 13 Julai 2023
- Muhammad, F. S., & Halim, N. Z. A. (2022). Empowering Women in Matrimonial Property: A Case Study in Selangor. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (28), 239-253.
- Mustafa, R. & Nasohah, Z. (2022). Sorotan Literatur Kesedaran Wanita Bekerjaya Tentang Hak-Hak Selepas Perceraian. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2): 221-233.
- Murni Ilmawati Ismail. Pegawai Penyelidik Mahkamah Syariah Kelantan Temubual pada 31 Ogos 2023
- Nur Iftitah Roslan. (2023). Kadar perceraian membimbangkan. Sinar Harian 2023. <https://www.sinarharian.com.my/article/241595/berita/nasional/kadar-perceraian-membimbangkan>